

## Tahniah buat kumpulan silat

24 JUL 1990

**K**AMI ingin mengucapkan Tahniah kepada Perguruan Silat Tapak Suci Perwanit terutama sekali kepada Jurulatihnya, Saudara Johari Haji Mokti, yang baru-baru ini telah mendapat lesen jurulatih yang sah daripada Persekutuan Gabungan Seni Mempertahankan Diri (Macu).

Selama dua tahun, beliau

menunggu dengan penuh kesabaran dan ketabahan akhirnya berjaya juga. Kami juga ucapkan tahniah kepada Perwanit yang telah bersungguh-sungguh sehingga mencapai satu kejayaan besar.

Kami berdoa agar Perguruan Silat Tapak Suci Perwanit akan beroleh kejayaan pada masa depan.

9 Perguruan Silat Setempat

## DUA PESILAT BUKAN MELAYU BUKTIKAN

# Sarawak kuasai gelanggang



25 JUL 1990

B. Harian (M)

PESILAT Bumi Kenyalang menyumbangkan enam pingat emas semalam untuk meletakkan Sarawak di tangga teratas senarai pungutan pingat silat olahraga Sukan Malaysia di Dewan Suarah, Sri Aman, semalam.

Pertarungan itu menyaksikan dua pesilat wanita Sarawak, Hii King Hung dan Wong Hua Ling mencipta sejarah sebagai pesilat bukan Melayu pertama memenangi seni mempertahankan diri pusaka Melayu itu.

Empat pesilat Sarawak yang turut menyumbangkan pingat emas kepada pasukan mereka ialah Faizal Abdul Jalil, Edrus Bujang, Dzurini Malik (lelaki) dan Nurulhuda Salleh (wanita).

Hua Ling menewaskan Intan Syafinaz dari Selangor dalam perlawanan akhir Kelas E yang

mendebarkan sehingga dewan yang dipenuhi kira-kira 2,000 penonton menjadi gamat dengan sorakan penonton tempatan.

Dia mara ke pertarungan akhir selepas mengalahkan Norisan Abu Talib dari Johor pada separuh akhir.

Hii King Hung pula memamer keupayaannya dengan melancarkan serangan bertubi-tubi untuk menumpaskan Norazah Ahmad dari Wilayah Persekutuan dalam perlawanan Kelas C.

Faizal Jalil pula menewaskan Hasmadi Yong dari Wilayah Persekutuan (Kelas F Putera), Edrus Bujang mengatasi Fauzi Lazim dari Perak (Kelas E Putera), Dzurini Malik mengetepikan Zainuddin dari Wilayah Persekutuan (Kelas Bebas Putera) dan Nurulhu-

da Salleh mengalahkan Norazah dari Wilayah Persekutuan (Kelas C Puteri).

Sementara itu, Perlis, yang berada di tangga corot dalam senarai pungutan pingat emas keseluruhan, memenangi pingat emas sulungnya di gelanggang silat, menerusi Salim Bahari bagi Kelas C. Pada pertarungan akhir itu dia mengalahkan harapan Negeri Sembilan, Rizuan.

Selain sebutir pingat emas, Perlis mendapat empat pingat gangsa untuk tempat keenam silat selepas tuan rumah Sarawak, Negeri Sembilan, Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Polis menduduki tempat ketujuh dengan satu emas dan tiga gangsa, diikuti oleh Terengganu (1-0-1).